

Tarikh Berkuatkuasa: 01 Jun 2026

**TERMA DAN SYARAT
KEMPEN KAD DEBIT-i AEON BANK**

Kempen Kad Debit-i AEON Bank dianjurkan oleh AEON Bank (M) Berhad (No. Pendaftaran: 202201026163 (1471860-K)) ("**Kempen**"). Kempen ini tertakluk kepada terma dan syarat ini, [Terma Penggunaan Umum AEON Bank](#), dan semua terma dan syarat berkaitan lain-lain di Aplikasi AEON Bank. Maklumat lanjut mengenai Kempen boleh didapati di <https://aeonbank.com.my/promotions/awareness>.

1. Definisi

Terma	Definisi
"AEON Bank" atau "Bank"	Merujuk kepada AEON Bank (M) Berhad
"Aplikasi AEON Bank"	Merujuk kepada aplikasi mudah alih yang digunakan untuk mengakses perkhidmatan AEON Bank
"Akaun Simpanan-i AEON Bank"	Merujuk kepada akaun simpanan patuh Syariah yang ditawarkan oleh AEON Bank
"Kad Debit-i AEON Bank"	Merujuk kepada kad debit yang dikeluarkan oleh AEON Bank
"Mata Ganjaran AEON"	Merujuk kepada mata ganjaran yang dianugerahkan kepada ahli Program Keahlian AEON
"Program Keahlian AEON"	Merujuk kepada program kesetiaan yang dimiliki oleh AEON Credit Service (M) Berhad (No.Pendaftaran 199601040414 (412767-V))
"Kempen"	Merujuk kepada promosi-promosi berikut: Promosi Kad Debit 1: Perbelanjaan Menggunakan Kad Debit-i AEON Bank Promosi Kad Debit 2: Parkir Percuma di AEON Mall
"Pelanggan"	Merujuk kepada pelanggan AEON Bank yang memenuhi kriteria kelayakan bagi setiap promosi seperti yang dinyatakan pada Perenggan 5 di bawah

2. Tempoh Kempen

Kempen-kempen ini sah daripada tempoh berikut, atau sebelumnya, jika Ganjaran telah mencapai had, mana-mana yang terdahulu ("**Tempoh Kempen**"):

No.	Promosi	Tempoh Kempen
Promosi Kad Debit 1	Perbelanjaan dengan Kad Debit-i AEON Bank di Kedai AEON Yang Terlibat	1 Jun 2026 hingga 31 Ogos 2026
Promosi Kad Debit 2	Pakir Percuma di AEON Mall	1 Jun 2026 hingga 31 Ogos 2026

Sebarang lanjutan Tempoh Kempen akan ditentukan oleh AEON Bank mengikut budi bicara mutlakny.

3. Ganjaran Kempen

Kempen ini terdiri daripada promosi - promosi berikut:

No.	Promosi	Ganjaran
Promosi Kad Debit 1	Perbelanjaan dengan Kad Debit-i AEON Bank di Kedai AEON Yang Terlibat	RM1 = 2 Mata Ganjaran AEON dengan menggunakan kad secara atas talian atau fizikal di Kedai AEON Yang Terlibat.
Promosi Kad Debit 2	Pakir Percuma di AEON Mall	<p>Parkir percuma selama 2 jam di lokasi AEON Mall yang terlibat apabila memasuki parkir menggunakan Kad Debit-i AEON Bank:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Metro Prima • Cheras Selatan • Taman Equine • Rawang • Melaka • Seremban 2 • Bandaraya Melaka • Nilai • Taiping • Permas Jaya • Bandar Dato' Onn • Bukit Raja • Taman Maluri • AEON BiG Subang Jaya • AEON BiG Wangsa Maju • AEON BiG Bukit Rimau • AEON BiG Kepong • Bukit Mertajam • Kota Bharu • Ipoh Kinta City • Klebang • Ipoh Station 18 • Seri Manjung • Taman Universiti • Kulai • Bukit Indah • Tebrau City • Shah Alam • Alpha Angle • AU2 Setiawangsa • AEON BiG Puchong • AEON BiG Klang • AEON BiG Penang Prai • AEON BiG Bukit Minyak

4. Mekanik Kempen, Pemberian Ganjaran & Penebusan

Mekanik Kempen adalah seperti berikut:

No.	Promosi	Mekanik untuk Promosi	Ganjaran Promosi
Promosi Kad Debit 1	Perbelanjaan dengan Kad Debit-i AEON Bank	Pelanggan akan memperoleh 2 Mata Ganjaran AEON untuk setiap RMI yang dibelanjakan apabila membuat pembelian dengan Kad Debit-i AEON Bank mereka (secara atas talian atau kad fizikal) (tidak termasuk Transaksi yang Dikecualikan).	Mata Ganjaran AEON akan dikreditkan dalam masa tiga (3) hari bekerja selepas pembayaran berjaya dengan Kad Debit-i AEON Bank.
Promosi Kad Debit 2	Parkir Percuma di AEON Mall	Pelanggan yang memasuki lokasi AEON Mall yang terlibat menggunakan Kad Debit-i AEON Bank mereka akan menikmati 2 jam parkir percuma.	Parkir percuma 2 jam di AEON Mall yang terpilih.

5. Kriteria Kelayakan

- 5.1 Pelanggan yang telah berjaya mendaftar, mengaktifkan akaun mereka, dan merupakan pelanggan AEON Bank yang aktif layak untuk menyertai semua Kempen.
- 5.2 Pelanggan-pelanggan yang berikut tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
- Pelanggan yang Akaun Simpanan-i AEON Bank telah ditamatkan, ditutup, digantung, delinkuen atau dijalankan dengan tidak memuaskan seperti yang ditentukan oleh AEON Bank semasa Tempoh Kempen; dan
 - Pelanggan yang tidak atau menjadi tidak sihat mental, meninggal dunia, diputuskan mufis atau terdapat sebarang prosiding undang-undang yang dimulakan terhadap mereka.
- 5.3 Perbelanjaan yang layak menggunakan Kad Debit-i AEON Bank tidak termasuk transaksi-transaksi berikut ("**Transaksi yang Dikecualikan**"):
- pembayaran berkaitan ketidakpatuhan Syariah di peniaga dengan Kod Kategori Pedagang (MCC) yang tidak mematuhi keperluan Syariah seperti dalam [Halaian Pendedahan Produk Kad Debit-i AEON](#);
 - sebarang transaksi berkaitan dengan Simpanan SSPN Prime/ SSPN Plus;
 - transaksi tambah nilai e-dompet;

- (d) sebarang transaksi atau pembayaran kepada AirPay Malaysia Sdn Bhd, Fass Payment Solutions Sdn Bhd, FassPay, Coda Payments Kuala Lumpur, Codashop, atau mana-mana pedagang lain yang berkaitan; dan/atau
- (e) pembayaran di pedagang dengan MCC berikut:

MCC	Butiran MCC
6011	Institusi Kewangan - Pengeluaran Tunai Automatik
6012	Institusi Kewangan - Barangan, Perkhidmatan dan Pembayaran Balik Hutang
6051	Institusi Bukan Kewangan - Mata Wang Asing, AsetCecair dan Mata Wang Kripto (contohnya: Mata Wang Kripto), Kiriman Wang (Bukan Pindahan Wang), Pembiayaan Akaun (bukan <i>Stored Value Load</i>), Cek Pengembara dan Pembayaran Balik Hutang
6540	Institusi Bukan Kewangan - Pembelian/Bean Kad Nilai Tersimpan
4814	Perkhidmatan Telekomunikasi, termasuk Panggilan Tempatan dan Jarak Jauh, Panggilan Kad Kredit, Panggilan Melalui Penggunaan Telefon Pembacaan <i>Magnetic Stripe</i> dan Perkhidmatan Faks
4784	Bayaran Tol dan Jambatan
4789	Perkhidmatan Pengangkutan
5310	Kedai Diskaun
7372	Pengaturcaraan Komputer, Pemprosesan Data dan perkhidmatan Reka Bentuk Sistem Bersepadu
7399	Perkhidmatan Perniagaan
6300	Jualan Insurans, Pengunderaitan dan Premium
5960	Pemasaran Langsung - Perkhidmatan Insurans
9211	Kos Mahkamah, Termasuk Nafkah dan Nafkah Anak
9222	Denda
9399	Perkhidmatan Kerajaan (Tidak Dikelaskan di Tempat Lain)
9223	Bayaran Jaminan dan Bon
9311	Bayaran Cukai
9402	Perkhidmatan Kurier
8398	Organisasi Perkhidmatan Sosial Kebajikan
5931	Barangan Terpakai dan Stor Barang Terpakai
8641	Persatuan Sivik, Sosial dan Persaudaraan
8661	Organisasi Politik
8675	Persatuan Automobol

8699	Organisasi Keahlian (Tidak Dikelaskan di Tempat Lain)
4821	Perkhidmatan Telegraf
5921	Kedai Pakej - Bir, wain dan arak
6010	Pembayaran Tunai Manual
6211	Sekuriti: Broker/Peniaga
6513	Ejen dan Pengurus Hartanah: Sewaan
1520	Kontraktor Am: Kediaman dan Komersial
1711	Kontraktor Penyaman Udara, Pemanasan, dan Paip
1731	Kontraktor Elektrik
1740	Kontraktor Penebat, Batu-bata, Plaster, Kerja Batu dan Pemasangan Jubin
1750	Kontraktor Pertukangan Kayu
1761	Kontraktor Bumbung, Siding dan Kerja Lembaran Logam
1771	Kontraktor Kerja Konkrit
1799	Kontraktor, Kontraktor Perdagangan Khas
2741	Penerbitan dan Percetakan Pelbagai
2791	Penetapan Huruf, Pembuatan Plat dan Perkhidmatan Berkaitan
2842	Penyediaan Sanitasi, Penggilapan dan Pembersihan Khusus

5.4 Berikut merupakan senarai kedai AEON yang terlibat (“**Kedai AEON Yang Terlibat**”):

AEON	Metro Prima	Bukit Mertajam	Mid Valley
	Cheras Selatan	Kota Bharu	Bandar Utama-
	Taman Equine	Ipoh Kinta City	Queensbay Mall
	Rawang	Klebang	Bandar Baru Klang
	Melaka	Ipoh Station 18	Bandar Puchong
	Seremban 2	Seri Manjung	Putrajaya
	Bandaraya Melaka	Taman Universiti	Taman Maluri
	Nilai	Kulai	Ampang Utara 2
	Taiping	Bukit Indah	Kuching Central

	Permas Jaya	Tebrau City	Bandar Dato' Onn
	Bukit Raja	Shah Alam	Alpha Angle
	Wangsa Maju		
AEON BiG	Aeon BiG Kepong	Aeon BiG Kuantan	Aeon BiG Puchong Utama
	Aeon BiG Ampang	Aeon BiG Mid Valley	Aeon BiG Batu Pahat
	Aeon BiG Sri petaling	Aeon BiG Putrajaya	Aeon BiG Ipoh Falim
	Aeon BiG Danau Kota	Aeon BiG Wangsa Maju	Aeon BiG Bukit Minyak
	Aeon BiG Klang	Aeon BiG Subang Jaya	Aeon BiG Penang Prai
	Aeon BiG Bukit Rimau	Aeon BiG Jaya One	Aeon BiG Bandar Tun Hussien Onn
	Aeon BiG Shah Alam	Aeon BiG Ipoh	Aeon BiG Sutera Utama
	Aeon BiG Kluang		
MaxValu	MaxValu Sunway Velocity	MaxValu Evo Bangi-	MaxValu Danga Bay
	MaxValu United Point	MaxValu Selayang Mall	MaxValu Palm Mall
	MaxValu Desa Park City	MaxValu Sphere Bangsar South	
Wellness	Wellness Bandar Utama	Wellness Bandar Dato' Onn	Wellness Ayer Keroh Melaka
	Wellness Taman Maluri	Wellness Tasek Central	Wellness R&F JB
	Wellness Taman Equine	Wellness KL Gateway	Wellness Saradise Kuching
	Wellness Queensbay	Wellness Tebrau City	Wellness BIG Falim
	Wellness Bukit Indah	Wellness Ikano Shopping Centre	Wellness Seri Manjung Perak
	Wellness Permas Jaya	Wellness Evo	Wellness Solaris Mont Kiara
	Wellness Bukit Tinggi	Wellness Big Danau Kota	Wellness Bandaraya Melaka
	Wellness BIG Subang	Wellness Kiara 163	Wellness Tanjung Lumpur, Kuantan
	Wellness BIG Penang Prai	Wellness Seventeen Mall, Section 17	Wellness Metro Prima
	Wellness BIG Section 23	Wellness The Springs	Wellness Jalan Burhanuddin Helmi TTDI
	Wellness IPS 18	Wellness Publika	Wellness Big Puchong Utama
	Wellness Bandar Puchong	Wellness Kuching Central	Wellness Kinta City
	Wellness AEON BIG Wangsa Maju	Wellness Intermark	Wellness Velocity
	Wellness Wangsa Maju	Wellness Aman Central	Wellness Shah Alam
	Wellness Mid Valley	Wellness Rain Tree Rain	Wellness Kiara Bay
	Wellness Ipoh Sec 18	Wellness Nilai	Wellness Southkey Megamall
Wellness Sunway Velocity	Wellness The Sphere		
Daiso	Daiso Taman Maluri	Daiso Tropicana Gardens	Daiso Starling
	Daiso Festival City	Daiso AU2	Daiso Bangi
	Daiso Dpulze	Daiso 163 Retail Park	Daiso Shah Alam
	Daiso Rawang	Daiso Bukit Raja	Daiso Seremban 2
	Daiso Queensbay	Daiso Gurney Plaza	Daiso Bukit Tinggi

Daiso Nilai	Daiso Taman Equine	Daiso Palm Mall
Daiso Melaka	Daiso Bandaraya Melaka	Daiso Klebang
Daiso Kinta City	Daiso Ipoh Station 18	Daiso Seri Manjung
Daiso Bandar Utama	Daiso Metro Prima	Daiso Bukit Mertajam
Daiso Aman Central	Daiso Sunway Velocity	Daiso Cheras Selatan -T1
Daiso Kulajaya	Daiso Bandar Dato Onn	Daiso Toppen
Daiso Tebrau City	Daiso Bukit Indah	Daiso Setia City Mall
Daiso 163 Retail Park	Daiso Gurney Plaza	Daiso Queensbay
Daiso Kota Bharu	Daiso KTCC	Daiso My Town 2
Daiso Kuching Central	Daiso The Spring	Daiso Taman Maluri - T3
Daiso Avenue K	Daiso Bandaraya Melaka	Daiso My Town 2
Daiso Main Place	Daiso Taiping	

- 5.5 Promosi Kad Debit 1 tidak terpakai untuk (1) Transaksi Terkecuali (kecuali transaksi di kedai Daiso yang disenaraikan di atas), (2) transaksi dengan penyewa, jenama, dan kedai lain yang bukan dimiliki atau dikendalikan oleh Kumpulan AEON walaupun ia berada di dalam AEON Mall atau premis kedai serbaneka AEON, dan (3) pembayaran untuk yuran letak kereta. Sekiranya terdapat sebarang keraguan atau pertikaian, AEON Bank berhak untuk menentukan sama ada sesuatu transaksi layak atau tidak
- 5.6 Sekiranya terdapat pemberian Mata Ganjaran AEON yang bertindih, promosi dengan pemberian Mata Ganjaran AEON yang lebih tinggi akan diguna pakai. Pelanggan tidak akan layak untuk menerima ganjaran Mata Ganjaran AEON berganda di bawah promosi yang berbeza untuk transaksi yang sama kecuali dinyatakan secara khusus di sini.
- 5.7 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, tiada ganjaran akan diberikan untuk Transaksi yang Dikecualikan. AEON Bank berhak untuk mengemaskini senarai Transaksi yang Dikecualikan tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada Pelanggan.
- (a)
- 5.8 Dalam keadaan dimana (i) seorang Pelanggan menutup Akaun Simpanan-i AEON Bank mereka dan/atau keahlian Program Keahlian AEON atau (ii) Akaun Simpanan-i AEON Bank dan/atau keahlian Program Keahlian AEON digantung, dibekukan atau ditutup atas sebab apa pun, AEON Bank berhak untuk:
- (a) menolak kelayakan Pelanggan tersebut daripada menyertai Kempen ini termasuk mana-mana promosi individu;
- (b) membatalkan atau menarik balik Ganjaran Kempen yang diberikan daripada Pelanggan tanpa notis terlebih dahulu;
- (c) menolak untuk mengkreditkan sebarang Ganjaran Kempen kepada Pelanggan tanpa notis terlebih dahulu; dan/atau
- (d) mengambil sebarang tindakan lain yang dianggap perlu terhadap Pelanggan.

6. Terma dan syarat am

- 6.1 Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan harus memenuhi Kriteria Kelayakan. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.

- 6.2 Pelanggan dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum menyertai Kempen ini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan terikat kepada terma dan syarat di sini serta sebarang terma dan syarat lain yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada Akaun Simpanan-i AEON Bank dan Kad Debit-i AEON Bank.
- 6.3 Mata Ganjaran AEON dikeluarkan oleh AEON Credit Service (M) Berhad. Oleh itu, dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan juga bersetuju dengan terma dan syarat Program Keahlian AEON yang boleh didapati di <https://aeonbank.com.my/loyalty>
- 6.4 AEON Bank mempunyai hak untuk menolak atau mengecualikan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini yang tidak mematuhi Terma dan Syarat ini dan/atau didapati atau disyaki secara munasabah menggunakan atau menyalahgunakan Kempen ini atau operasi dan proses Kempen ni termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti penipuan.
- 6.5 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju dengan [Notis Privasi](#) of AEON Bank di mana Pelanggan bersetuju untuk membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses, dan digunakan oleh AEON Bank.
- 6.6 AEON Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau reputasi baik, langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) bagi mana-mana pihak bagaimana sekalipun ia timbul sama ada dalam kontrak, tort, kelalaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen ini.
- 6.7 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju bahawa AEON Bank tidak akan bertanggungjawab jika AEON Bank tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada kewajipan di sini yang boleh dikenakan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, wabak atau sebarang bencana alam yang berada di luar kawalan AEON Bank atau disebabkan oleh sebarang faktor yang berkaitan dengan *force majeure* yang berada di luar kawalan AEON Bank secara munasabah.
- 6.8 Sekiranya Pelanggan didapati tidak layak atau didapati telah melakukan penipuan dalam apa cara sekalipun semasa atau selepas Tempoh Kempen, AEON Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan Pelanggan atau membatalkan/menarik balik sebarang ganjaran yang diberikan kepada Pelanggan, dan jika gagal, Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk menanggung rugi AEON Bank bagi nilai dan kos ganjaran tersebut. AEON Bank juga berhak untuk memulakan sebarang tindakan yang difikirkan perlu terhadap Pelanggan tersebut.
- 6.9 AEON Bank dan pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh AEON Bank untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti yang timbul atau dialami oleh seorang Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung dari Kempen ini, kecuali disebabkan oleh kecuaiannya AEON Bank berkaitan dengan Kempen ini secara khusus.
- 6.10 Pelanggan hendaklah menanggung semua kos, perbelanjaan, fi, dan/atau caj yang berkaitan dengan penerimaan, penebusan, dan/atau penyertaan dalam Kempen ini.
- 6.11 AEON Bank berhak untuk menukar, mengubahsuai, dan/atau meminda mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada pelanggan melalui laman sesawang Bank atau Aplikasi AEON Bank.

- 6.12 AEON Bank berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat tempoh Kempen, sepenuhnya atau sebahagian, pada bila-bila masa, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan melalui laman web Bank di <https://aeonbank.com.my>, melalui Aplikasi AEON Bank, atau dengan cara lain yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa.
- 6.13 Pelanggan tidak berhak menuntut apa-apa pampasan daripada AEON Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan Kempen ini atau kehabisan atau ketiadaan ganjaran.
- 6.14 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini hendaklah dirujuk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- 6.15 Keputusan AEON Bank berkenaan dengan sebarang perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan diguna pakai.
- 6.16 Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dengan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti, dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan atau berhubungan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
- 6.17 Terma dan Syarat Kempen ini mungkin juga tersedia dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat ketidakselarasan, konflik, kekaburan atau perbezaan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia ini, versi Terma dan Syarat Bahasa Inggeris akan terpakai.